

BAB 4 : PENDIDIKAN DI TANAH MELAYU SEBELUM PENJAJAH

4.1. Pengenalan

Ahli-ahli pendidik telah sepakat bahawasanya pengajaran dan pendidikan adalah dua jalan yang menjadi satu wasilah (jalan) yang paling utama bagi kemajuan bangsa, mencapai kedudukan yang mulia di dunia. Pendidikan adalah untuk membentuk watak peribadi manusia yang lahir ke dunia ini supaya menjadi manusia yang berguna dalam masyarakatnya. Supaya dia tahu mana yang baik dan mana yang buruk. (HAMKA, 1976 : 223)

Sudah menjadi sunnah alam bahawa kelahiran agama Allah yang dibawa oleh rasul-rasul sejak Nabi Adam a.s. hingga ke Nabi Muhammad s.a.w. adalah berasaskan iman dan ilmu. (Abdullah Ishak, 1995 : 126)

Sistem pendidikan di Malaysia hari ini begitu dinamik dan progresif. Namun begitu sebelum sistem pendidikan ini diwujudkan sudah ada sistem pendidikan yang telah digunakan secara tradisional oleh masyarakat Melayu sebelum penjajahan. Pendidikan secara tradisional Melayu terbahagi kepada dua iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Pendidikan formal adalah satu sistem pendidikan yang didapatinya dengan cara mempelajari dari gurunya dan kitab-kitab dan pendidikan tidak formal ialah satu pemindahan budaya dan nilai-nilai masyarakatnya dan pengaruh luar dari masyarakat yang diperhatikan dan dijadikan panduan hidup demi memperbaiki lagi kelemahan diri. (Ramlah Adam, 1997 : 50)

4.2. Pendidikan Masyarakat Melayu Sebelum Kedatangan Islam

Sebelum kedatangan Islam, pendidikan secara tidak formal untuk kanak-kanak dijalankan di dalam sesebuah keluarga dan kemudiannya dikendalikan pula oleh seseorang yang mempunyai kepandaian di dalam sebuah masyarakat. Menerusi pendidikan tersebut, kanak-kanak belajar tentang adat resam dan sistem kepercayaan masyarakat Melayu. Semasa kanak-kanak membesar, mereka mempelajari pula secara tidak langsung cara-cara untuk menyesuaikan diri di dalam masyarakat. Sementara itu, ada juga pendidikan yang dikendalikan oleh guru-guru yang pakar dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh masyarakat pada masa itu. (Ismail Hamid, 1997 : 199)

Sementara itu ada juga pendidikan yang dikendalikan oleh guru-guru yang mahir dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh masyarakat pada masa tersebut. Pengetahuan dan kemahiran masyarakat Melayu antaranya termasuklah ilmu ukiran, anyaman bakul, ilmu mempertahankan diri, ilmu kias dan raksi, ilmu mentafsir mimpi dan ramalan, ilmu bedil, ilmu pertukangan (dalam pembuatan rumah, senjata, perahu, lesung, kuku kambing), ilmu perlombongan, ilmu perdukunan, ilmu perdalangan, ilmu pertanian dan perikanan. (Abu Zahari Abu Bakar, 1984 : 7) Semua ilmu tersebut diperturunkan daripada generasi tua kepada generasi muda turun temurun untuk digunakan dalam kehidupan seharian mereka.

Bagi anak-anak perempuan mereka banyak dididik oleh ibu, ibu saudara dan kakak yang mengajar mereka tentang kerja-kerja rumah dan kemahiran

tangan di samping menurunkan kepada mereka warisan kekayaan tradisi. Sebagai tambahan mereka juga diajar membaca Al-Quran, di samping mempelajari bahasa Melayu sedikit sebanyak. Bagaimanapun, hanya menjelang tahun-tahun 1950an barulah sebahagian besar gadis-gadis Melayu mendapat pendidikan sekular secara formal. (Lenore Manderson, 1981 : 28)

Mengikut pendapat Abu Hassan Sham, Hashim Ismail, Hashim Musa, Rahmah Bujang, Yaacob Harun, dalam masyarakat Melayu tradisi, malah berlanjutan hingga ke hari ini seorang anak itu dibekalkan dengan kemahiran praktikal yang perlu bagi mengambil alih peranan ibu bapa apabila dewasa. Lazimnya, kemahiran praktikal ini dihubungkan dengan '*gender*' atau jantina. Di kawasan luar bandar bapa akan melatih anak lelakinya dengan tugas dan tanggungjawab serta kerja-kerja berat yang biasa dilakukan oleh kaum lelaki. Ibu pula berperanan melatih anak perempuan dengan tugas-tugas domestik (keperluan rumah tangga) sebagai persediaan apabila anak perempuannya itu berkahwin, menjadi isteri dan seterusnya bergelar ibu. (Buku Teks Kursus TITAS IPT, 2001 : 190)

Satu cara lain dalam mengembangkan ilmu secara tidak langsung ialah melalui cerita yang disampaikan oleh Penglipur Lara. Penglipur Lara iaitu seorang pencerita yang mahir menyampaikan cerita secara lisan. Penglipur Lara memperolehi koleksi cerita daripada bapanya dan ia menceritakan semula kepada anak-anak atau kanak-kanak yang lain. Melalui cara ini cerita-cerita ini dapat di sampaikan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Cerita-cerita yang di sampaikan terdiri daripada pelbagai jenis, ada yang menceritakan kisah

raja, pahlawan dan haiwan. Unsur-unsur dongeng diserapkan ke dalam sesetengah cerita tersebut. Selain itu penyerapan nilai-nilai murni dan pendidikan ke dalam cerita-cerita bertujuan mempengaruhi tingkahlaku pendengarnya. (Ee Ah Meng, 1999 : 6)

Umumnya pendidikan sebelum kedatangan Islam adalah berteraskan alam semula jadi dengan kehidupan sehari-hari dan juga adat resam yang menjadi ikutan sesebuah masyarakat. Pendidikan juga disampaikan melalui lisan secara turun temurun dari generasi ke satu generasi.

4.3. Pendidikan Masyarakat Melayu Selepas Kedatangan Islam

Islam akhirnya sampai ke Nusantara, seterusnya Tanah Melayu pada masa itu juga turut menerima Islam apabila Parameswara, Raja Melaka memeluk Islam pada tahun 1414 . Bermula dari sini, maka pendidikan Islam pun diajar kepada penganutnya-penganutnya yang baru itu dan teksnya adalah Al-Quran (Mohd Yusuf Ahmad, 2002 : 86)

Pendidikan, khususnya yang berbentuk bukan formal dipercayai telah berkembang bersama-sama dengan penyebaran agama Islam di Tanah Melayu serta Kepulauan Melayu pada abad keempat belas. Pedagang-pedagang Arab dan India yang beragama Islam yang datang ke kawasan Kepulauan Melayu telah menyebarkan agama Islam dan merupakan pelopor yang telah memulakan usaha-usaha pendidikan formal dengan cara membina sekolah-sekolah pondok di Perlis, Kedah, Melaka, Terengganu, Kelantan dan Brunei. Perluasan empayar

kesultanan Melayu Melaka, Riau dan Brunei pada kurun kelima belas telah turut mengembangkan agama Islam dan institusi pendidikan formal, pengajian Islam di negeri-negeri jajahan takluk kesultanan tersebut. (Sufean Hussin, 1993 : 2)

Pendidikan Islam di Tanah Melayu bermula dari zaman kesultanan Melaka di mana pada masa tersebut tenaga pengajar terdiri daripada guru-guru agama sama ada golongan pedagang, pengembara, pendakwah, utusan raja dan para tentera berketurunan sayid dan syeikh. Sama ada mereka ini datang ke Tanah Melayu untuk singgah atau berdagang, kehadiran mereka ini telah membantu golongan istana dan penduduk tempatan dengan hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam khasnya dalam hukum fiqh dan pengajaran al-Quran. (Ghazali Darusalam, 2001 : 100)

Menurut konsep Islam, menuntut ilmu dan mengajar ilmu itu merupakan jihad yang paling tinggi dan ibadat yang utama, juga menjadi fardhu ain ke atas tiap-tiap individu muslim. Sehubungan dengan kewajipan itu, penduduk-penduduk Islam Melaka dan golongan atasan hingga rakyat jelata, tidak ketinggalan melibatkan diri dalam kegiatan suci ini. Terdapat orang perseorangan yang berkemampuan menjadikan rumah mereka sebagai tempat belajar al-Quran dan asas-asas agama serta tulis menulis. (Abdullah Ishak, 1995 : 129)

Dalam masyarakat Melayu zaman lampau, iaitu sebelum diperkenalkan persekolah secara wajib, zaman kanak-kanak Melayu secara relatifnya bolehlah dikatakan bebas. Kebebasan ini hanya terganggu sedikit ketika mereka mencapai usia enam atau tujuh tahun bila mereka terpaksa belajar mengaji al-

Quran. Apabila tamat mengaji al-Quran dan belajar agama dan kemudiannya berkhatan, mereka bebas semula samalah ketika di alam kanak-kanak sebelumnya, sehingga sampai ke satu waktu bila mereka menemui wanita yang difikirkan sesuai untuk menjadi isterinya. Ketika itulah tanggungjawab berkeluarga dibebankan kepada mereka. (Lenore Manderson, 1981 : 22)

Menurut pendapat Hashim Musa, Zainal Abidin Borhan, Othman Mohd Yatim, agama Islam mendapat naungan dari istana raja-raja Melayu, maka istana telah menjadi pusat kegiatan dan penyebaran ilmu pengetahuan. Kesannya, muncullah golongan intelektual terutama alim ulama di beberapa pusat peradaban Melayu Islam dengan karya-karya utama mereka, terutama karya-karya berbentuk keagamaan yang disampaikan dalam bentuk persuratan yang dinamakan sastera kitab. (Buku Teks Kursus TITAS IPT, 2001 : 168)

Ilmu pengetahuan masyarakat Melayu makin berkembang dan pelbagai ilmu baru diperkenalkan seperti ilmu Fekah, Tauhid, Kalam, Hadis dan Ulum al-Quran. Kitab-kitab agama (Kitab Jawi) ditulis dan disalin dan dikarang semula oleh ulama. Salah satu contoh ialah kitab al-Aqa'id al-Nasafiyah yang dianggap oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas sebagai '*the oldest known manuscript*' yang bertarikh 998 Hijrah atau 1590 Masihi. Ilmu-ilmu Islam berkembang selari dengan perkembangan Islam di Alam Melayu. Dakwah Islamiah tersebar melalui proses pengilmuan sehingga mampu mempengaruhi akal dan jiwa masyarakat Melayu. Dakwah ini juga mendapat sokongan dan bantuan dari istana-istana Kesultanan Melayu. Selain kitab-kitab, ilmu tradisi Melayu juga turut berkembang melalui hikayat dan syair. (Suhanim Binti Abdullah, 2001 : 42 – 43)

Islam telah mengubah makna dan konsep ilmu tradisi Melayu. Ilmu Naqli dan Aqli yang merupakan satu klasifikasi ilmu mula dikenali oleh masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu turut menyedari bahawa semua ilmu yang ada di alam ini berasal dari pencipta (Allah s.w.t.) yang diberi secara langsung, iaitu wahyu kepada para nabi dan rasul. Masyarakat Melayu juga menyedari bahawa terdapat pelbagai contoh, petunjuk dan tanda-tanda kebesaran Allah s.w.t. di dalam kehidupan ini.

Kesimpulannya Islam telah merubah corak hidup masyarakat Melayu dengan pendidikan Islam yang lebih teratur dan sistematik. Islam juga telah membuka fikiran orang Melayu betapa pentingnya ilmu pengetahuan dalam kehidupan seharian dan Islam sendiri mewajibkan semua orang Islam menuntut ilmu.

Jadual 4

TOKOH-TOKOH ULAMA SEMENANJUNG MELAYU

<i>Ulama</i>	<i>Tahun</i>	<i>Negeri Kelahiran</i>
Tok Pulai Manis	1605 - ± 1736	Terengganu
Syaikh Daud al-Fatani	1769 - 1873	Patani
Tok Pulai Chondong	1792 – 1873	Kelantan
Syaikh Nik Dir Patani	± 1829 – 1898	Patani
Tok Guru Wan Ahmad Patani	1856 – 1908	Patani
Tok Wan Ali Kutan	1837 – 1913	Kelantan
Syaikh Nik Mat Kechik Patani	1844 – 1920	Terengganu
Mufti Haji Wan Muhammad	1868 - 1920	Kelantan
Tok Perlis	1860 – 1922	Kelantan
Syaikh Muhammad Said Linggi	1875 – 1926	Mekah / Negeri Sembilan
Tok Malek Sungai Pinang	1813 – 1928	Kelantan
Tok Kenali	1868 – 1933	Kelantan
Tok Kemuning	1885 - 1934	Kelantan
Tok Padang Jelapang	1861 – 1934	Kelantan
Tok Selehong	1871 – 1935	Kelantan
Pak Wan Sulaiman	1874 – 1935	Kedah
Tok Seridik	1881 – 1935	Kelantan
Tuan Husain Kedah	1863 – 1936	Kedah
Mufti Haji Wan Musa	1874 – 1939	Kelantan
Dato' Laksamana	1888 – 1939	Kelantan
Tok Jerulong	1868 – 1939	Kelantan
Haji Sa'ad Kangkong	1886 – 1943	Kelantan
Tok Khurasan	1875 – 1944	Afghanistan / Kelantan
Haji Mat Shafie Losong	1862 – 1945	Kedah / Terengganu
Haji Omar Sungai Keladi	1867 – 1946	Kelantan
Haji Ismail Pontianak	1876 – 1946	Kelantan
Maulana Abdullah Nuh	1905 -1947	Kelantan
Syaikh Uthman Jalaluddin	1880 – 1952	Kelantan
Tok Bachok	1860 – 1953	Kelantan
Tuan Guru Haji Sulong Patani	1895 – 1954	Patani
Tok Pulau Ubi	1887 – 1957	Kelantan
Tok Guru Haji Wan Adam	1909 - 1957	Kelantan

(Ismail Che Daud, 1992 : 1-476)

4.4. Institusi Pendidikan Masyarakat Melayu

Pada umumnya, struktur pendidikan Islam atau pengajian Islam di Nusantara pada masa itu (sebelum 1824) bersifat menyeluruh, iaitu ada peringkat rendah, menengah dan tinggi. Peringkat yang dimaksudkan ialah rumah, masjid, surau, istana dan pondok.

Berdasarkan kenyataan yang disebutkan dalam dokumen Sejarah Melayu dan Hikayat Abdullah, dapat difahami bahawa perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu telah bermula sejak abad ke 15 lagi dan sejak mula diperkenalkan pendidikan Islam terus berkembang. Kajian yang dibuat setakat ini telah menunjukkan bahawa pendidikan Islam di negara ini bermula dari rumah imam atau guru, kemudian berkembang menjadi pondok dan selepas itu menjadi madrasah dan akhirnya menjadi sekolah-sekolah agama. Menurut Harun Din dan Sobri Salamon menyatakan bahawa secara kasarnya perkembangan pendidikan agama di semenanjung Tanah Melayu telah mengalami empat tahap iaitu : Institusi rumah imam atau guru, Institusi pondok, Institusi madrasah dan Institusi sekolah moden (sistem sekular). (Ahmad Mohd Salleh, 1997: 48)

Di Indonesia, menurut kebiasaan, kanak-kanak berumur tujuh tahun akan dihantar ke surau untuk mengaji al-Quran, ibadat, tauhid dan akhlak. Begitu juga di Filipina, kanak-kanak mula belajar al-Quran di surau dan rumah guru. Situasi ini berlaku di Tanah Melayu. Sebagai buktinya catatan Abdullah Munshi dalam hikayatnya :

'Dari zaman nenek moyang pun tidak pernah orang menaruh tempat belajar bahasa Melayu melainkan mengaji al-Quran sahaja. Dan patut belajar bahasa Arab kerana ia berguna kepada agama dan lagi dalam akhirat'. (Ahmad Tarmizi Talib, 1997 : 60)

Institusi-institusi seperti rumah, istana, masjid dan surau di Melaka, pada zaman awal kedatangan Islam nampaknya telah memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan ilmu pengetahuan, pendidikan dan dakwah Islamiyah. Kegiatan yang dilakukan di institusi-institusi tersebut tidaklah berbeza daripada pendidikan yang dilakukan di institusi-institusi pendidikan zaman Rasulullah s.a.w., para sahabat dan tabi'in. (Abdullah Ishak, 1995 : 131)


4.4.1. Institusi Istana

Pada peringkat permulaan, Islam diterima oleh golongan diraja dan bangsawan kemudian diikuti oleh rakyat. Pada masa ini ilmu fardhu ain diberi penekanan. (Khadijah Zon dan M. Khalid Taib, 1995 : 935) Berdasarkan golongan raja yang menerima Islam terlebih dahulu, maka golongan ini telah berusaha dengan menjadikan istana sebagai tempat pengembangan Islam serta pengajian fardhu ain kepada rakyat jelata.

Pendidikan Islam bertapak pada awalnya di Melaka, bermula dari Istana , di mana para sultan atau raja dengan syeikh-syeikh diikuti oleh pembesar-pembesar istana dan akhirnya orang awam (Ghazali Darusalam, 2001 :101) Perkembangan pendidikan Islam di Melaka bolehlah dilihat daripada rajah berikut:

Rajah 2

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM DI MELAKA



Menurut Sejarah Melayu mulai kurun ke 15, pendidikan agama Islam mula dipelajari oleh golongan istana. Lazimnya sultan akan menyediakan satu ruang di istana bagi membolehkan pengajaran agama Islam disampaikan.

Di Melaka institusi istana telah menjadi pusat kegiatan pengajaran, perpustakaan dan penyebaran agama Islam, seperti halnya kerajaan Bani Umayyah dan Bani Abbasiyyah pada zaman kegemilangan mereka, yang juga telah menjadikan istana sebagai pusat pembelajaran dan muzakarah tentang ilmu-ilmu Islam. Penyalinan, penterjemahan dan penyimpanan kitab-kitab dan persuratan juga dilakukan di istana. Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Ali Hanafiah dan ad-Durr al-Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu) telah tersimpan di istana Melaka. Kitab *Bahr Lahut* karya Sheikh Abdullah 'Arif (1177) mengikut pendapat W.M. Saghir Abdullah, telah diterjemahkan di Melaka pada zaman ini dengan judul *Bahr Lahut* (Hashim Hj. Musa, 2001 : 52)

Sejak kedatangan Islam ke Melaka pada kurun ke 15 masihi, ajaran Islam tersebar kepada masyarakat Melaka termasuklah golongan bangsawan dan rakyat jelata. Oleh itu terdapat pelbagai institusi pengajian di Melaka termasuklah rumah, masjid, surau dan juga istana. Sultan-sultan Melaka amat berminat dengan ilmu pengetahuan agama sehingga menjadikan istana-istana sebagai tempat pengajian di samping berperanan mengeluarkan hasil-hasil sastera yang sebahagian besarnya masih wujud sehingga kini. Bagi golongan rakyat biasa pula, mereka mendirikan masjid dan surau untuk dijadikan pusat pengajian agama selain berfungsi sebagai rumah ibadat. (Abdullah Ishak, 1995 : 130)

Di Melaka, biasanya aktiviti pendidikan berlangsung di istana yang sekaligus berfungsi sebagai perpustakaan atau tempat penyalinan dan terjemahan. Mengenai guru-guru agama, kebanyakkan mereka terdiri dari bangsa Arab. Dalam hirarki sosial di Melaka, kedudukan mereka adalah setaraf dengan golongan pembesar di istana. Murid-muridnya pula terdiri daripada kaum bangsawan dan raja, tetapi tidak kurang pula dari kalangan rakyat jelata umumnya. Selain dari golongan tempatan, terdapat juga murid-murid asing yang belajar di Melaka. (Azhar Hj. Mad Aros, et. al., 2000 : 290)

Institusi-institusi seperti rumah, istana, masjid dan surau memainkan peranan penting dalam pengajian Islam di Melaka. Antara sultan-sultan Melaka yang begitu berminat dengan ilmu pengetahuan sehingga menjadikan istana mereka sebagai pusat pengajian ialah Sultan Iskandar Syah, Muhammad Syah, Mansur Syah, Mahmud Syah dan Alauuddin Riayat Syah. (Samad Ahamad, 2000 : 156)

Tokoh-tokoh agama yang menyampaikan pengajaran di istana juga digalakkan menterjemahkan buku-buku bahasa Arab kepada bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi. Bahasa pengantar yang digunakan oleh guru-guru tersebut ialah bahasa Melayu kerana kebanyakan kitab dalam bahasa Arab telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun bahasa Arab juga diajar (Ee Ah Meng, 1999 : 6)

4.4.2. Institusi Rumah Imam atau Guru

Istana umumnya telah menjadi satu institusi pendidikan Islam namun oleh kerana masalah kekurangan tempat pengajian, ulama-ulama atau imam-imam telah menjadikan rumah mereka sebagai tempat belajar agama. (Suhanim Binti Abdullah, 2001 : 55)

Pengajian al-Quran kepada kanak-kanak juga diadakan di rumah-rumah imam atau guru mengaji supaya memudahkan kanak-kanak yang berhampiran untuk berulang alik dari rumah mereka. Ada juga anak-anak yang tinggal di rumah Pak Lebai untuk tujuan yang sama. Biasanya, murid-murid dibekalkan oleh ibu bapa masing-masing dengan sehelai tikar, bantal, sebuah periuk dan seguni beras. Cara pembelajaran mereka dijelaskan oleh catatan berikut :

'Tiap-tiap hari tiga waktu pelajaran diberikan. Tiap-tiap waktu memakan masa satu jam, satu waktu sesudah sembahyang Subuh, satu waktu sesudah sembahyang Zohor dan satu waktu lagi sesudah sembahyang Maghrib. Pada masa-masa lain, murid-murid menolong gurunya membuat kerja-kerja rumah serta bekerja di sawah dan berkebun.' (Wilkinson R. J., 1957 : 47)

Pelajar-pelajar juga ada yang bangsawan dan juga dari kalangan rakyat jelata. Mereka belajar di rumah-rumah, antaranya pembesar negeri yang belajar di rumah-rumah maulana ialah Bendahara Seri Maharaja, Tun Mai Ulat Bulu dan Megat Seri Rama yang belajar di rumah Maulana Sadar Johan. Manakala Sultan Mahmud Syah mempelajarinya di rumah Maulana Yusuf. (Abdullah Ishak, 1995 : 188)

4.4.3. Institusi Masjid atau Surau

Hal ehwal pendidikan tradisional banyak diceritakan dalam Sejarah Melayu iaitu mulai kurun ke 15 hingga kurun ke 17. Masyarakat Melayu telah mula mendapat pendidikan agama melalui pendidikan agama yang telah disampaikan oleh guru-guru al-Quran di kampung-kampung. Sebahagian besar daripada guru-guru ini menyampaikan pengajaran di surau-surau atau masjid-masjid.

Guru-guru ini akan menjadi imam di surau-surau atau masjid-masjid dan mereka juga akan mengajar perkara-perkara lain seperti kira mengira, menulis jawi, tajwid, fardhu ain, rukun Islam dan rukun iman. (Ee Ah Meng, 1999 : 4)

Pembinaan masjid dan surau oleh penduduk tempatan bagi melaksanakan kedua-dua fungsi itu adalah berpunca daripada galakan ulama-ulama dan mubaligh Islam yang terdiri daripada pedagang-pedagang Islam yang datang ke rantau ini untuk menyebarkan agama, ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam. (Abdullah Ishak, 1995 : 130)

Di Indonesia, menurut kebiasaan kanak-kanak berumur tujuh tahun akan dihantar ke surau untuk mengaji al-Quran, ibadat, tauhid dan akhlak. Situasi yang sama berlaku di Tanah Melayu. Sebagai buktinya catatan Abdullah Munshi dalam hikayatnya :

“Dari zaman nenek moyang pun tidak pernah orang menaruh tempat belajar bahasa Melayu melainkan mengaji al-Quran sahaja, dan patut belajar bahasa Arab kerana ia berguna kepada agama dan lagi dalam akhirat”.(Ahmad Fauzi Hj. Morad dan Ahmad Tarmizi Talib. 1997 : 60)

Amnya surau dan masjid menjadi tempat utama selepas istana bagi pengajian Islam kerana tempat ini adalah mudah dan sentiasa dikunjungi oleh orang Islam ketika sembahyang berjemaah. Pengajian Islam diajar selepas sembahyang fardhu dan ini memudahkan para pelajar untuk mengetahui jadual pengajian yang dijalankan secara kebiasaan.

4.4.4. Institusi Pengajian Pondok

Ketika Tanah Melayu masih dijajah umumnya institusi pendidikan agama Islam di rantau ini sedang mencari bentuk. Dalam hal ini, pondok merupakan salah satu bentuk pilihan dengan meniru bentuk yang digunakan di Masjidil Haram, Makkah. Seorang ulama yang alim yang belasan tahun mempelajari ilmu pengetahuan agama Islam di Makkah, setelah pulang ke tanah airnya, pada mulanya memilih sebidang tanah sebagai tempat pemukiman dengan membuat tempat tinggal yang seadanya. Lalu ramailah para pelajar yang datang dari jauh dan dekat untuk menuntut ilmu pengetahuan dan bimbingan agama daripada orang alim ini. (Abdul Latif Hamidong, 1993 : 744)

Pondok adalah satu institusi pengajian yang berbentuk institusi yang total. Pondok dikatakan satu fenomena yang berumur lebih dari satu abad. Kini di kawasan Nusantara ia menghadapi peringkat pembubaran akibat dari proses modenisasi dan industrialisasi.

Di Malaysia pondok mempunyai dua erti. Pertama ia bermaksud rumah kecil yang sementara, kedua ia membawa erti sebuah institusi pengajian Islam yang berbentuk tradisional dan ortodoks. Dari sudut fizikal, institusi pengajian pondok terdiri dari rumah guru atau di surau-surau ataupun di rumah kecil sekeliling rumah guru. Setiap pondok boleh didiami oleh seorang ataupun dua orang. Manakala pondok yang besar boleh didiami seramai empat dan lima orang. Kadang-kadang tempat tinggal ini berbentuk berek panjang yang boleh didiami beramai-ramai.

Pengajian pondok diwujudkan apabila terlalu ramainya bilangan penuntut yang datang dari jauh dan dekat untuk mengikuti pengajian di masjid atau surau. Pondok-pondok ini didirikan di sekitar masjid berhampiran dengan rumah tok guru. Pengajian sistem pondok telah memberi kemudahan kepada penuntut-penuntut yang datang dari jauh kerana mereka dapat tinggal di pondok. Berbagai-bagai nama telah diberi pada institusi pendidikan Islam tradisional, di Jawa disebut '*pondok pesantren*', manakala di Aceh, Sumatera di sebut '*dayah*', sedangkan di Patani (Selatan Thailand) disebut '*pondok*'. Perkataan pondok berasal daripada bahasa Arab yang bererti tempat penginapan. Tetapi menurut istilah yang dikenali dalam dunia pendidikan, pondok ialah institusi pendidikan

dan pengajaran agama Islam, umumnya dengan cara tanpa kelas. (Abdul Latif Hamidong, 1993: 745)

Di pondok juga dikenali sebagai satu tempat di mana seorang ulama (tok guru) mengajarkan ilmu agama kepada para tok pake (anak murid) yang mengelilinginya. Kebiasaannya pengajian itu berlaku di balai. Pada umumnya proses menimba ilmu ini memakan masa berbelas-belas tahun lamanya hingga para pelajar merasa cukup sebagai bekal untuk terjun ke dalam masyarakat. (Zainon Muda, 1993 : 38)

Pondok didirikan atas usaha alim ulama dan masyarakat setempat. Berhampiran pondok terdapat rumah tuan guru dan asrama pelajar. Pondok-pondok ini sering ditemui di kawasan berhampiran pantai dan sungai kerana mod pengangkutan utama di zaman berkenaan adalah sampan dan perahu layar. Pondok dibina daripada papan dan beratapkan daun nipah atau daun rembia dan kemudahan kelas ialah hanya papan batu dan qalam. (Sufean Hussin, 1993 : 2)

Bagi orang yang pernah menghayati kehidupan dalam situasi pondok akan tergambar deretan bangsal yang disebut pondok (asrama) yang berbaris rapi. Pondok ini didirikan tinggi dan bertangga, biasanya berdinding buluh dan beratap rembia atau nipah. Pondok ini didirikan sendiri oleh pelajar sebagai tempat tinggal selama mereka menuntut ilmu di tempat tersebut. Kelas atau tempat pengajian dijalankan dipanggil balai atau balaisah iaitu bangunan yang dijadikan sebagai pusat segala kegiatan, baik kegiatan mengajar maupun kegiatan ibadat solat berjemaah dan sebagainya. Besar atau kecil ukuran balai

bagi sesebuah pondok, bergantung pada jumlah pelajar yang sedia ada. Jika jumlah pelajar bertambah banyak maka bangunan balai akan diperbesarkan. Biasanya balai didirikan bersambung dengan rumah tok guru. (Abdul Latif Hamidong, 1993 : 746)

Perkembangan pendidikan Islam di Nusantara menerusi institusi pondok selepas kejatuhan Aceh berlaku di Patani. Ulama-ulama Patani yang mempunyai keperibadian tersendiri berjaya mempertahankan tradisi pengajian tersebut menerusi institusi pondok bagi menyambung tugas kerajaan Aceh di Nusantara terutama di negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu hingga kurun ke 19 masih. Kini masih terdapat 348 buah pondok di empat buah wilayah Selatan Thailand iaitu Patani, Yala, Narathiwat dan Satun dengan bilangan pelajarnya seramai lebih kurang 38,000 pelajar. Institusi pondok yang wujud di Aceh bukan sahaja sampai ke Patani bahkan juga ke Kepulauan Jawa dalam abad-abad berikutnya. (Abdullah Ishak, 1995 : 190)

Pendidikan Islam di institusi pondok nampaknya lebih maju dan terkenal hingga ke hari ini. Di sinilah tempat berkembangnya ilmu-ilmu Islam hinggalah ke zaman merdeka. Inilah institusi yang mengeluarkan guru-guru agama yang mengajar dalam sekolah-sekolah kerajaan selepas merdeka, yang mana sebahagiannya dapat melanjutkan pelajaran ke luar negara. Pelajar-pelajar di institusi pondok ini bukan sahaja terdiri daripada pelajar tempatan, malah terdapat pelajar dari luar negara seperti Jawa dan Brunei. (Mohd Yusuf Ahmad, 2002 : 87)

Institusi pengajian pondok merupakan institusi pendidikan yang tertua di Tanah Melayu. Tarikh permulaannya adalah sukar diramalkan dan diketahui dengan tepat, dan ia wujud tanpa dirancang. Kebanyakan institusi ini muncul mengikut keperluan dan sambutan orang ramai yang datang berguru dan belajar ilmu-ilmu agama. Agak sukar untuk menentukan dengan tepat dari mana sistem pondok itu berasal. Namun begitu menurut penyelidikan yang dibuat oleh para sarjana di universiti tempatan di Malaysia, mereka sepakat mengatakan bahawa sistem pondok itu bermula dari Patani. (Abdullah Jusuh, 1989 : 8)

Kenyataan tersebut disokong oleh dua buah majalah Malaysia iaitu Pengasuh dan Suara Siswa keluaran tahun 1977, yang menegaskan bahawa institusi pengajian Islam yang berbentuk pondok, pertama didirikan di Patani dan merupakan institusi pendidikan yang tertua di Asia Tenggara. Ulama Patani telah melaksanakan tugas pendidikan melalui sistem pondok sejak abad ke12 Masihi lagi. (Abdul Latif Hamidong, 1993 : 747)

Dalam menentukan kemunculannya, banyak pendapat yang berbeza-beza. Ada pendapat yang mengatakan berasal dari Patani (Selatan Thailand). Ini berdasarkan kepada kedudukan Patani itu sendiri yang terkenal sebagai pusat pengajian agama Islam dan kebudayaan Melayu pada abad ke 16 dan 17. Kenyataan ini juga berdasarkan kurun ke 12 di mana ramai ulama Patani menyusun kitab-kitab jawi yang digunakan di pondok-pondok. Tambahan pula, bahasa yang digunakan oleh guru pondok dalam menyampaikan ajaran mereka ialah bahasa Patani terutamanya pondok di negeri Kedah dan Perak.

Ulama yang berasal dari Patani cukup terkenal di Asia Tenggara dan mereka banyak menulis kitab-kitab agama dalam bahasa Melayu mahu pun bahasa Arab. Antaranya Syeikh Daud Abdullah al-Fatoni, Syeikh Ahmad Muhammad Zein Al-Fatoni, Syeikh Zainal Abidin Al-Fatoni dan Syeikh Muhammad Ismail Daud Al-Fatoni. Ulama-ulama ini bukan sahaja terkenal di rantau ini, tetapi juga dikenali dan diakui kealimannya di negara Arab, sehingga sebahagian dari mereka diberi kesempatan untuk mengajar di Masjidil Haram, Makkah. Dengan kesempatan mengajar di Masjidil Haram, Makkah, ulama-ulama ini menjadi sangat terkenal di rantau ini. Ketika hubungan Aceh, Melaka, Kemboja, Kalimantan, Sumetara, Sulawesi, Brunei dan Jawa masih erat, ramai putera dari daerah tersebut datang ke Patani untuk mempelajari ilmu-ilmu agama, sehingga Patani ketika itu merupakan pusat peradaban pengajian Islam dengan pondok sebagai pusat pengajarannya. (Abdul Latif Hamidong, 1993: 748)

Setengah pula berpendapat institusi ini berasal dari Kalimantan, Indonesia. Kenyataan ini berdasarkan terdapatnya beberapa buah kitab Jawi yang dibawa dan dibaca di pondok-pondok adalah hasil terjemahan ulama Banjar dan Jawa.

Melalui kenyataan ini dapatlah diandaikan bahawa institusi pengajian pondok ini berasal dari Patani dan Indonesia. Dari kedua-dua negara inilah, ia berkembang ke Tanah Melayu melalui penghijrahan para ulama ini untuk bermiaga dan mencurahkan ilmu Islam. Mereka inilah yang bertanggungjawab dalam pembukaan institusi pengajian Pondok, seperti Hj Mahmud Taha yang berasal dari Indonesia membuka pondok di Alor Belat, Butterworth sekitar tahun

1880-an. Begitu juga Ibrahim Aceh membuka Pondok Permatang Janggus di Seberang Prai. Manakala yang berasal dari Patani pula seperti Hj. Zainal yang membuka pondok di Sungai Dua dalam tahun 1875.

Manakala sarjana tempatan pula berpendapat institusi ini bermula pada zaman Pasai dan Melaka. Kemudian merebak ke Aceh pada abad ke 17M kemudian ia berkembang pesat di Patani dalam abad ke-20. Dari Patani ini ianya berkembang ke Tanah Melayu seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak dan Pulau Pinang.

Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan yang diberi akhirnya pengkaji membuat kesimpulan bahawa lahirnya institusi ini di Tanah Melayu adalah dalam lingkungan akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20. Walau bagaimanapun, institusi ini dikatakan telah wujud di Melaka sejak kurun ke 15 Masihi. Setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis pada 1511 Masihi, institusi pondok berpindah ke Aceh, kemudian ke Patani dan akhirnya menular pula di seluruh Tanah Melayu. Melalui institusi ini pendidikan Islam terus berkembang dan mencapai tahap kegemilangannya di pertengahan abad ke 19 hingga ke hari ini, ia masih lagi wujud walaupun hanya di beberapa tempat sahaja kerana adanya persaingan dengan sekolah agama kerajaan.

4.5. Kesimpulan

Pendidikan masyarakat Melayu sebelum penjajah adalah berteraskan penyebaran Islam di Kepulauan Melayu. Setelah Islam berkembang pesat maka

institusi pengajian Islam juga kian berkembang dan wujudlah institusi pengajian Islam secara formal seperti surau, masjid dan pondok. Melalui pendidikan Islam juga pusat-pusat paradaban Melayu muncul dengan kegemilangan peradaban Melayu-Islam. Berdasarkan penyebaran agama Islam juga peradaban Melayu menuju kegemilangannya sama dengan kegemilangan peradaban Islam di Asia Barat.

Kesimpulannya pendidikan masyarakat Melayu sebelum penjajah adalah berteraskan penyebaran Islam dan juga hasil usaha alim ulama mengembangkan ilmu pengetahuan yang dituntut kepada semua orang Islam.

Jadual 5

PENJAJAHAN DAN LATAR BELAKANG PENJAJAH

PENJAJAH	TEMPOH	CATATAN
PORTUGIS	1511 – 1641 (130 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tertumpu di Melaka. ▪ Mendapat tentangan daripada orang Melayu Melaka. ▪ Tidak banyak meninggalkan kesan kepada negara, kecuali dari segi bahasa (pinjaman perkataan) dan tarian.
BELANDA	1641 – 1824 (183 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tertumpu di Melaka. ▪ Tidak banyak meninggalkan kesan. ▪ Tumpuan penjajahannya ialah di Indonesia. ▪ Mendapat tentangan daripada orang Melayu.
INGGERIS	1824 – 1957 (123 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menjajah keseluruhan negeri Tanah Melayu. ▪ Banyak meninggalkan kesan dalam kebanyakan sistem kehidupan masyarakat (politik, ekonomi, dan sosial) ▪ Banyak mendapat tentangan daripada penduduk negara ini.
SIAM	1821 – 1909 (88 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Telah lama menaungi negeri-negeri di Utara Semenanjung Tanah Melayu, tetapi dari sejarah ianya dicatatkan bermula pada 1821. ▪ Tertumpu kepada negeri-negeri di Utara Semenanjung Tanah Melayu seperti Perlis, Kedah dan Kelantan. ▪ Kesannya agak jelas di negeri-negeri di Utara khususnya dari segi agama (Buddha) dan kesenian.
JEPUN	1940 – 1945 (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menjajah keseluruhan negeri Tanah Melayu. ▪ Banyak meninggalkan kesan, terutamanya dalam kehidupan masyarakat, khususnya yang berkaitan dengan hubungan kaum. ▪ Mendapat tentangan daripada penduduk negara ini.

(Nazaruddin Haji Mohd Jali, et. al., 2001 : 12)